



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMIKIRAN DAN SUMBANGAN NOORDIN HASSAN DALAM DRAMA DARI PERSPEKTIF TEORI SPB4K



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

SAMIN BIN RABANI



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMIKIRAN DAN SUMBANGAN NOORDIN HASSAN DALAM DRAMA DARI
PERSPEKTIF TEORI SPB4K

SAMIN BIN RABANI

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 07.06.2021

i. Saya, **SAMIN BIN RABANI, P20162001645, FAKULTI BAHASA DAN KUMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **PEMIKIRAN DAN SUMBANGAN NOORDIN HASSAN DALAM DRAMA DARI PERSPEKTIF TEORI SPB4K** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan sejelasnya dan secukupnya.


0  tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **ABDUL HALIM ALI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMIKIRAN DAN SUMBANGAN NOORDIN HASSAN DALAM DRAMA DARI PERSPEKTIF TEORI SPB4K** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN KESASASTERAAN)**.

22/06/22

Tarikh


Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PEMIKIRAN DAN SUMBANGAN NOORDIN HASSAN DALAM
DRAMA DARI PERSPEKTIF TEORI SPB4K

No. Matrik / Matric's No.: P20162001645

Saya / I: SAMIN BIN RABANI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Tandatangan pelajar

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 22/06/22

PROFESOR DR. ABDUL HALIM ALI
JABATAN BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
PERAK, MALAYSIA

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur pada-Nya kerana saya dapat menyiapkan tesis yang bertajuk 'Pemikiran dan Sumbangan Noordin Hassan dalam Drama dari Perspektif Teori SPB4K.' Sekalung penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Halim Ali selaku Penyelia Utama yang banyak membimbing dan sedia berkongsi pendapat sehingga berjaya menyelesaikan kajian ini dalam masa yang ditetapkan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada staf di Fakulti Bahasa dan Komunikasi serta Institut Pengajian Siswazah UPSI yang turut membantu sepanjang tempoh pengajian dan penghasilan tesis ini.

Terima kasih yang tidak terhingga dan berasa bangga kerana mendapat dorongan daripada seseorang yang sentiasa memberi inspirasi dan pembakar semangat sepanjang menjalani proses pengajian Doktor Falsafah ini sehingga selesai dengan jayanya. Beliau ialah Pn. Hj. Nirwani Abd Wahab, isteri yang saya kasihi.

SAMIN BIN RABANI

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,

Universiti Pendidikan Sultan Idris.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran dan sumbangan Noordin Hassan dalam drama terpilih berdasarkan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) janaan Dato Prof. Dr. Mohd. Yusof Hasan ke atas pembentukan insan seimbang serta pengaruhnya dalam perkembangan drama Melayu di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis kepustakaan, analisis kandungan teks dan analisis deskriptif. Analisis pemikiran Noordin Hassan ini disandarkan kepada empat prinsip teori SPB4K iaitu kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Untuk melihat kesan dan sumbangannya kepada pembentukan insan seimbang analisis ini bersandarkan kepada empat aspek pembentukan insan iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) seperti terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati pemikiran yang berkaitan dalam aspek kerohanian yang meliputi aspek aqidah, syariah, ibadah dan tasawuf lebih banyak ditemukan. Manakala dalam aspek kesaintifikan pula pemikiran Noordin Hassan dalam drama yang berkenaan lebih menjurus kepada fakta sains, fakta sejarah dan isu semasa. Sementara itu dalam aspek kebitaraan tidak banyak ditemukan kecuali yang menyentuh soal penyelesaian masalah yang dihadapi oleh watak-watak. Hasil analisis kajian mendapati bahawa pemikiran Noordin Hassan juga mempunyai kaitan secara langsung dengan pembentukan insan seimbang terutama dari sudut keunggulan jasmani, kecemerlangan emosi dan rohani serta menjana keintelektualan. Pemikiran Noordin Hassan juga memberi kesan kepada perkembangan drama Melayu di Malaysia terutama dari sudut kemunculan aliran drama pascamoden yang meliputi aliran surealisme, absurdisme dan teater fitrah serta menonjolkan unsur ekspresi dalam pementasan. Berdasarkan dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa pemikiran Noordin Hassan mempunyai impak yang tinggi dalam pembentukan aliran drama di Malaysia dan juga pembentukan insan seimbang dari aspek JERI. Sebagai dikesimpulannya, drama terpilih yang dikaji ini sesuai untuk dijadikan sumber pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta rujukan umum pembaca untuk menambah ilmu pengetahuan.

NOORDIN HASSAN THOUGHT AND IT CONTRUBUTION IN THE ART OF DRAMA FROM SPB4K THEORETICAL PERSPECTIVE

ABSTRACT

The purpose of this study was to analyse the thoughts of Noordin Hassan as reflected in his selected plays based on the Integrated Thought System Theory 4K (SPB4K) (*Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K)*) developed by Dato Prof. Dr. Mohd. Yusof Hasan and discussed his thoughts contributions in the formation of the holistic individual concept and their influence in the development of Malay drama in Malaysia. This study was qualitative in approach by applying the methods of library research, textual-content inquiry and descriptive analysis. The analysis of the thoughts of Noordin Ahmad was based on the four theoretical principles of SPB4K which are the spiritualism, individualism, scientificism and creativity principles. In order to appreciate the effects and contributions in the formation of a holistic individual, this analysis was conducted based on four aspects of human development which are the physical, emotional, spiritual and intellectual (JERI) aspects as encapsulated in the National Education Philosophy. Based on the analysis, it was found that the thoughts related to spiritualism involving aspects such as creed, syaria, worship and tasawuf are more prevalent. In the scientific aspect, Noordin Hassan's thoughts in the selected drama are inclined towards scientific and historical facts and current issues. Whereas in the individualism aspect, not much was found except those related to problem-resolution issues faced by the characters. The study also found that the thoughts of Noordin Hassan is directly related to the formation of the holistic individual especially in terms of physical excellence, emotional and spiritual distinctions and intellectual production. The thoughts of Noordin Hassan also impacted on the development of Malay drama in Malaysia especially in the emergence of postmodern dramatic genre such as surrealism, absurdism and realist theatre as well as highlighting the expressionism aspect in staging. Based on the findings, it can be concluded that Noordin Hassan's thoughts have made a great impact in the development of dramatic stream in Malaysia as well as in the formation of the holistic individual based on the JERI aspects. As conclusion, the selected drama analysed are suitable as the source material for teaching and learning for schools and also as knowledge reference for the general reader.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	15
	1.4 Objektif Kajian	18
	1.5 Soalan Kajian	19
	1.6 Kepentingan Kajian	19
	1.6.1 Menambah Ilmu Pengetahuan	20
	1.6.2 Menambah Bilangan Kajian	20
	1.6.3 Menggalakkan Kemahiran Berfikir	20
	1.6.4 Menggalakkan Penerbitan Buku	21
	1.6.5 Mengaplikasikan Teori SPB4K	21

1.7	Batasan Kajian	22
1.8	Kerangka Teori Kajian	23
1.9	Definisi Istilah, Konsep dan Operasional	24
1.9.1	Pemikiran	24
1.9.2	Sumbangan	25
1.9.3	Drama	26
1.9.4	Perspektif	27
1.10	Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 30

2.1	Pengenalan	30
2.2	Kajian dari Dalam Negara	31
2.2.1	Literatur tentang Drama Secara Umum	31
2.2.2	Literatur tentang Noordin Hassan	46
2.2.3	Literatur tentang Pengaplikasian Teori SPB4K	53
2.3	Kajian dari Luar Negara	62
2.4	Rumusan	65

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 68

3.1	Pengenalan	68
3.2	Reka Bentuk Kajian	69
3.3	Sampel Kajian	69
3.4	Instrumen Kajian	70
3.5	Kaedah Kajian	71
3.6	Teori Kajian	72

3.6.1	Biodata Pencipta Teori SBP4K	73
3.6.2	Konsep Teori SBP4K	75
3.6.3	Pengaplikasian Teori SPB4K dalam Kajian	80
3.7	Rumusan	82
BAB 4	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	84
4.1	Pengenalan	84
4.2	Pemikiran Noordin Hassan dalam Drama	85
4.2.1	Pemikiran Noordin Hassan dalam Drama Berkaitan Aspek Kerohanian	85
4.2.1.1	Aqidah Sebagai Teras Keimanan	86
4.2.1.2	Syariah Menjamin Kesucian Islam	94
4.2.1.3	Amalan Ibadah Pelengkap Keislaman	98
4.2.1.4	Tasawuf Membina Ketakwaan Insan	100
4.2.2	Pemikiran Noordin Hassan Berkaitan dengan Aspek Kebitaraan	102
4.2.3	Pemikiran Noordin Hassan Berkaitan dengan Aspek Kesaintifikan	108
4.2.3.1	Fakta Sejarah	109
4.2.3.2	Fakta Sains	116
4.2.3.3	Isu Semasa	118
4.2.4	Pemikiran Noordin Hassan Berkaitan dengan Aspek Kekreatifan	122
4.2.4.1	Teknik Plot	123
4.2.4.2	Gaya Bahasa	139
4.2.4.3	Corak Persembahan	150

4.3	Peranan Drama Noordin Hassan dalam Pembinaan Insan Seimbang	159
4.3.1	Pemikiran Kesaintifikan Membentuk Keunggulan Jasmani	161
4.3.2	Pemikiran Kerohanian Membawa kepada Kecemerlangan Emosi	173
4.3.3	Pemikiran Kerohanian Membangun Kecemerlangan Rohani Individu	187
4.3.4	Pemikiran Kebitaraan Menjana Kentelektualan	200
4.4	Kesan Pemikiran 4K Noordin Hassan terhadap Perkembangan Drama di Malaysia	208
4.4.1	Kemunculan Drama Pascamoden	208
4.4.1.1	Surrealisme	211
4.4.1.2	Absurdisme	216
4.4.2	Kemunculan Teater Fitrah	220
4.4.3	Kemunculan Teater Eksperimental	228
4.4.4	Menonjolkan Unsur Eksperasi dalam Persembahan	237
4.4.5	Melahirkan Gabungan Unsur Tradisional dalam Drama Moden	241
4.5	Rumusan	262

BAB 5 PENUTUP 266

5.1	Pengenalan	266
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	266
5.2.1	Dapatan Kajian Bagi Objektif 1	267
5.2.2	Dapatan Kajian Bagi Objektif 2	269
5.2.3	Dapatan Kajian Bagi Objektif 3	274



5.3	Cadangan-cadangan untuk Kajian akan Datang	276
5.3.1	Menonjolkan Status Kaum Wanita	277
5.3.2	Mementingkan Unsur Keislaman dalam Drama	279
5.3.3	Menerapkan Sastra Tradisional dalam Drama Moden	280
5.4	Penutup	281
	RUJUKAN	288
	LAMPIRAN	



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka surat
1.1	Bilangan tesis Sarjana dan Doktor Falsafah di Enam Buah Perpustakaan Universiti Awam	17
1.2	Drama Kajian Karya Noordin Hassan	22
3.1	Justifikasi Pemilihan Drama	71
4.1	Rumusan Pemikiran Kesaintifikan Noordin Hassan	115
4.2	Bilangan Penagih Dadah yang Dikesan 1970-1985	120
4.3	Bilangan Penagih Dadah Mengikut Kes 2013-2017	121
4.4	Rumusan Pemikiran Kekreatifan Noordin Hassan	158
4.5	Emosi Positif dan Emosi Negatif	184





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Teori Kajian	23
3.1	Reka Bentuk Kajian	70
3.2	Peta Minda	77
3.3	Modul Pemikiran 4L/4K	78
3.4	Teori SPB4L/4K	79
3.5	Hubung Kait antara Teori SPB4K dengan Ciri-ciri Kajian dan Objektif Kajian	81
4.1	Sembilan Kecerdasan Pelbagai	172
4.2	Taksonomi Bloom (domain kognatif)	205
4.3	Taksonomi Anderson (domain kognitif)	206
4.4	Falsafah Teater Fitrah	221
4.5	KBAT – Taksonomi Bloom	233



SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
ASDF	Akademi Seni Drama dan Filem
Ed	Editor
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
Hoka	Hemisfera Otak Kanan
Hoki	Hemisfera Otak Kiri
ITBM	Institut Terjemahan & Bahasa Malaysia
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
SAW	<i>Sallallahu Alaihi Wasallam</i>
S.M.A.R.T	<i>Specific, Measurable, Attainable, Relevant, Attainable</i>
SITC	Sultan Idris Training Collage
SWOT	Strengths, Weaknesses Opportunities, Threats
SWT	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Biodata Noordin Hassan
- B Sinopsis Drama-drama Kajian
 - Bukan Lalang Ditiup Angin*
 - Tiang Seri Tegak Berlima*
 - 1400*
 - Pintu*
 - Anak Tanjung*

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan secara menyeluruh tentang kajian yang ditulis dalam subtopik yang mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah dan objektif kajian. Seterusnya dihuraikan pula soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan juga definisi operasional. Latar belakang kajian mengandungi huraian tentang segala aspek yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung di dalam kajian yang dilaksanakan bagi mengupas proses kajian ini. Dalam bahagian pernyataan masalah pula dijelaskan isu-isu atau masalah-masalah yang menjadi faktor utama mengapa kajian ini perlu dijalankan. Seterusnya dalam objektif kajian dijelaskan dengan tepat objektif yang ingin dicapai selari dengan tindakan untuk menjawab soalan kajian yang dinyatakan.

Dalam bab ini dinyatakan juga dengan ringkas kerangka teori sastera yang telah dipilih iaitu Teori SPB4K (Sistem Pemikiran Bersepadu 4 K – Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan). Aspek seterusnya yang dihuraikan ialah kepentingan kajian yang diterangkan secara terperinci yang merupakan kesan kajian dan juga faedah-faedah daripada hasil kajian kepada semua pihak termasuk masyarakat, negara, organisasi atau institusi pendidikan yang berkaitan dengan perkembangan ilmu dalam bidang yang dikaji. Dalam bahagian batasan kajian pula diterangkan tentang skop kajian yang berfokus kepada apa dan bagaimana kajian dijalankan. Sementara itu dalam bahagian definisi operasional dijelaskan konsep-konsep utama dalam konteks kajian sebagaimana dinyatakan dalam tajuk kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Kesusasteraan Melayu telah lama dilaksanakan di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia. Hal ini disebabkan bidang kesusasteraan mempunyai peranan dan sumbangan yang besar kepada bangsa di sesebuah negara selain untuk dinikmati sebagai bahan hiburan. Kebanyakan tokoh dan pengkaji sastera mentakrifkan kesusasteraan sebagai karya seni yang mengandungi kumpulan bahasa yang indah sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan. Kesusasteraan mengandungi empat genre utama iaitu novel, cerpen, puisi dan drama. Kesemuanya mempunyai fungsi serta peranan kepada kehidupan sesuatu masyarakat atau bangsa. Muhammad Haji Salleh (1995, ms. 4) menyatakan bahawa istilah ‘kesusasteraan’ atau sastera, merujuk pada karya-karya lisan serta juga tulisan yang membawa unsur-unsur cereka dan disampaikan melalui bahasa dengan berbagai-bagai alatannya. Menurut Hadijah Rahmat (1991, ms. 175), sastera bukan bidang yang sempit yang hanya membincangkan soal keindahan semata-mata bahkan pembicaraan sastera yang sejati adalah tentang jiwa nurani (*conscience*) sesuatu masyarakat serta tamadun sesuatu kelompok manusia.



Selanjutnya menurut Mana Sikana (2013, ms. 47), kesusasteraan itu ialah kuasa yang berupaya mengubah budaya manusia, sama ada secara revolusi atau evolusi. Karya sastera dapat membentuk martabat sesuatu bangsa, iaitu daripada suatu bangsa yang mundur menjadi bangsa yang hebat dan disegani. Dengan pelbagai jenis dan genre, di samping berperanan sebagai bahan hiburan, kesusasteraan mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam membangunkan peradaban dan kemajuan sesuatu bangsa dan negara. Antaranya, kesusasteraan dapat dijadikan wadah untuk menyemai patriotisme di samping memupuk semangat perpaduan bagi pembentukan dan pengukuhan sesuatu bangsa. Monique Zaini-Lajoubert (2010) dalam kajiannya menjelaskan bahawa sastera sejarah dihasilkan untuk perjuangan kebangsaan. Sama ada di Malaysia mahupun di negara lain seperti Indonesia, beberapa pengarang menggunakan peristiwa masa lampau untuk menyatakan perasaan kebangsaan mereka melalui penghasilan sastera. Mohd. Yusof Hasan (2004, ms. 9), menguatkan kenyataan di atas dengan menyatakan bahawa kerajaan memperkenalkan mata pelajaran kesusasteraan di peringkat sekolah rendah dan menengah supaya dapat memperhalus persepsi dan mempertajam sensitiviti murid dalam mengenali erti kemanusiaan di samping menghayati masalah-masalah kehidupan dan memahami erti kesyukuran.

Selain daripada kajian yang dinyatakan di atas, terdapat banyak kajian lain tentang peranan kesusasteraan Melayu dalam pembentukan bangsa. Antaranya ialah kajian Chew Fong Peng (2006, ms. 140), yang menunjukkan bahawa pengaruh sastera khususnya genre drama remaja berkesan untuk membina negara-bangsa, selaras dengan Wawasan 2020 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan, malahan genre drama didapati lebih berkesan sebagai mekanisme melahirkan masyarakat bersatu padu berbanding genre cerpen, novel, puisi dan prosa tradisional. Chew Fong Peng (2008) dalam satu lagi kajian, berpendapat bahawa pendidikan kesusasteraan Melayu amat penting sebagai alat perpaduan. Menurut beliau Peristiwa 13 Mei yang berlaku di Malaysia menunjukkan bahawa perpaduan dalam kalangan rakyat adalah rapuh. Oleh itu satu kajian empirikal telah dijalankan yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah





menengah, mahasiswa dan guru siswazah dalam pengajian Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa lebih 60% responden menyokong saranan agar mengajar sastera perpaduan di Institut Pendidikan Tinggi.

Sementara itu Mahzan Arshad dan Abdul Jalil Othman (2011, ms. 95) dalam kajiannya menyokong kenyataan di atas dengan menyatakan bahawa wadah perpaduan adalah dengan menonjolkan bahan kesusasteraan pelbagai budaya di persada arus perdana dalam sesebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk seperti Malaysia untuk meningkatkan semangat perpaduan dan persefahaman. Melalui kesusasteraan juga nilai-nilai murni dapat diterapkan dalam diri setiap rakyat khususnya generasi muda yang menjadi audiens suatu karya kesusasteraan. Oleh itu kesusasteraan sangat sesuai dijadikan subjek untuk diajarkan dalam sistem pendidikan di sekolah dan juga di pusat-pusat pengajian tinggi.



penting. Walaupun kemunculan drama di Malaysia dan di Nusantara agak lewat jika dibandingkan dengan genre sastera yang lain seperti novel, cerpen dan puisi, namun perkembangannya pada masa ini lebih pesat dan lebih popular. Drama dianggap sebagai karya kreatif yang istimewa kerana drama bukan sahaja sebagai karya sastera dalam bentuk teks bahkan dapat ditonton dalam bentuk persembahan. Dengan kemajuan sains dan teknologi drama dapat dinikmati melalui siaran televisyen, pemain video, aplikasi *youtube* di internet dan telefon pintar yang menguasai medium alam maya. Melalui peralatan moden tersebut masyarakat dapat menonton persembahan drama pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dengan begitu mudah.





Dilihat dari sudut sejarah, kemunculan drama sama ada di Malaysia mahupun di Nusantara seperti Indonesia, Singapura atau Brunei Darusalam mempunyai hubungan dengan upacara keagamaan atau kepercayaan. Menurut Abdul Rahman Napiah (1987, ms. 7) masyarakat pada zaman dahulu mengamalkan kepercayaan animisme yang percaya bahawa sesuatu kejadian atau benda-benda luar biasa mempunyai semangat atau makhluk-makhluk halus. Oleh itu untuk melindungi keselamatan mereka daripada gangguan makhluk-makhluk tersebut mereka perlu melakukan sesuatu upacara atau ritual. Dengan itu lahirlah aktiviti seperti buang ancak, puja pantai, main puteri dan sebagainya. Upacara itu disertai juga dengan bacaan mantera, jampi, serapah dan pemujaan. Sedikit demi sedikit proses itu mengalami perubahan dari jampi serapah kepada bentuk nyanyian, tarian dan kemudiannya lahir konsep lakonan. Dengan itu muncullah konsep drama tradisional yang tebal dengan upacara ritual. Menurut Abdul Rahman Napiah (2017, ms. 47), kegiatan-kegiatan tersebut menjadi akar bagi pertumbuhan seni drama tradisional Melayu. Yang pasti, kemunculan drama di Malaysia tidak dapat atau mustahil untuk ditentukan tarikhnya dengan tepat. Rahmah Bujang (1987, ms. 57-58) pula menyatakan bahawa unsur-unsur seni atau budaya tersebut berbeza-beza antara satu masyarakat dengan yang lain, atau antara satu bangsa dengan yang lain, seni drama dunia adalah hasil perkembangan seni tari dan ada kaitan dengan keagamaan.

Kedatangan agama Hindu ke Alam Melayu pada abad kelima telah mempengaruhi bidang kesusasteraan khususnya persembahan drama walaupun masih bersifat tradisional. Rahmah Bujang (2007, ms. 13) menyatakan bahawa bentuk-bentuk persembahan tradisional seperti bangsawan, boria, mak yong, menora, wayang kulit dan lain-lain dibuktikan sebagai teater tradisional yang persembahannya pada masa dahulu sebagai tradisi lisan dan sangat





dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindu. Persembahan-persembahan tersebut merupakan drama yang berbentuk tradisional. Sementara itu menurut Trisno Santoso et al (2010, ms. 2-5), hampir setiap daerah di Indonesia memiliki bentuk seni teater tradisional yang dipengaruhi kepercayaan animisme, agama Hindu dan Buddha, dan kemudiannya pengaruh Islam. Antara bentuk teater mengikut daerah ialah *Dalangh Jemblung* (Banyumas), *Kentrung* (Jawa Timur), *Cepung* (Lombok), *Sinlirik* (Sulawesi Selatan), *Pantun Sunda* (Sunda) dan lain-lain. Suhariyadi (2014, ms.123) menambah maklumat dengan menyatakan bahawa bentuk teater seperti di atas dikategorikan sebagai Teater Rakyat. Contoh-contoh lain teater tersebut ialah *Makyong* (Riau), *Randai* dan *Bakaba* (Sumatera Barat), *Mamanda* dan *Berpandung* (Kalimantan Selatan), *Arja*, *Topeng Perimbon* dan *Cepung* (Bali), *Ubrug*, *Banjet*, *Longser*, *Topeng Cirebon*, *Tarling*, dan *Ketuk Tilu* (Jawa Barat), dan lain-lain lagi.

Penyebaran agama Islam ke Alam Melayu pada kurun ke-14, telah membawa perubahan dan perkembangan bidang kesusasteraan Melayu termasuk genre drama. Seni persembahan ini mengalami perkembangan dan perubahan yang ketara terutama tradisi lisan berubah kepada tradisi tulisan. Selanjutnya Abdul Rahman Napihah, (1987, ms. 56) menyatakan bahawa perkembangan pengetahuan telah membawa perkembangan kesusasteraan dengan hebat apabila sastera telah menjadi landasan berdakwah. Keadaan ini diikuti dengan perubahan bentuk drama. Antaranya muncul *wayang kulit*, *wayang gedek* dan *wayang wong* di Indonesia. Seterusnya muncul *makyung* di Kelantan yang berasal dari Thailand, *ulik mayang* di Terengganu dan *dabus* di Perak.

Persembahan drama yang terawal ialah bangsawan yang telah muncul di Nusantara sekitar akhir kurun ke-19. Menurut Rahmah Bujang (1975, ms. 57-58) bangsawan di Malaysia berasal dari India apabila satu rombongan persembahan yang dikenali dengan nama Wayang Farsi atau Mendu telah datang ke Pulau Pinang untuk mengadakan persembahan pada tahun 1870. Bentuk persembahannya adalah kombinasi nyanyian, tarian dan lakonan. Pelakon-





pelakonnya terdiri daripada kaum lelaki dan wanita dengan membawa cerita fantasi serta hiburan dan mendapat sambutan yang hebat. Kumpulan terawal yang ditubuhkan di Pulau Pinang dimiliki oleh seorang hartawan yang bernama Mohammad/Mamak Pusi yang kemudiannya menamakan kumpulannya dengan gelaran *Pusi Indera Bangsawan of Penang*. Kumpulan inilah yang mempopularkan bangsawan yang pada mulanya dikhaskan untuk golongan atasan atau bangsawan selaras dengan maksud perkataan bangsawan iaitu orang atasan atau golongan manusia yang berketurunan raja-raja.

Pada mulanya kumpulan ini hanya mengambil pelakon dalam kalangan orang bangsawan. Namun disebabkan tidak mendapat sambutan dan kesukaran mendapatkan pelakon tersebut akhirnya pengambilannya terbuka kepada orang kebanyakan. Kumpulan bangsawan seumpama ini terus mendapat sambutan hangat dan berkembang luas bukan sahaja di Pulau Pinang bahkan sampai ke sekitar bandar besar di Tanah Melayu serta Sumatera, di Indonesia.



Hal ini dibuktikan melalui hasil kajian Nurhadi BW (2010, ms. 9) yang menyatakan bahawa:

“Pada tahun 1885 Mamak Pushi membentuk rombongan teater berdasarkan properties dan idiom-idom teater Wayang Parsi. Rombongan ini dinamainya *Pushi Indera Bangsawan of Penang*. Mula-mula Pushi dan menantunya, Kassim, menempatkan teaternya di rumah-rumah bangsawan yang punya kenduri. Di sinilah muncul pengertian teater bangsawan.”

Rahmah Bujang (1987) menyatakan bahawa, kumpulan bangsawan menjadi organisasi komersial kerana kru kumpulan tersebut khasnya pelakon menerima gaji, sementara penonton dikenakan bayaran. Dengan itu wujudlah persaingan antara kumpulan bangsawan yang terdapat di merata-rata tempat di Malaysia mahupun di Indonesia. Pada tempoh zaman tersebut bangsawan merupakan satu-satunya bentuk hiburan yang sangat ditunggu-tunggu oleh penonton. Dari segi persembahan, kebanyakan cerita yang dipersembahkan adalah berkisar dengan kehidupan istana. Ketika itu masyarakat masih lagi ghairah dengan persembahan bangsawan, drama sandiwara telah mula meresap perlahan-lahan dalam kalangan masyarakat





Tanah Melayu seawal tahun 1924 (Fazilah Husin, 2010, ms. 13). Perkembangan drama di Malaysia pada masa ini tidak dapat dipisahkan dengan di Indonesia kerana kedua-duanya saling pengaruh-mempengaruhi. Perubahan yang berlaku di Malaysia turut diikuti oleh perubahan di Indonesia, begitulah sebaliknya. Sekitar tahun 1920-an adalah zaman peralihan dari zaman Drama Bangsawan ke zaman Drama Sandiwara. Menurut Suhariyadi (2014), di Indonesia sebelum muncul drama moden teater transisi telah muncul iaitu tempoh perubahan dari bentuk drama tradisional kepada drama moden. Bentuk teater (drama) ini bersumber dari teater tradisional, tetapi gaya persembahannya telah dipengaruhi oleh teater Barat. Contoh bentuk teater ini seperti: *Komedi Stamboul*, *Sandiwara Dardanela*, *Sandiwara Srimulat* dan lain-lain.

Kedatangan orang-orang Inggeris ke Tanah Melayu telah membawa bersama seni budaya Barat termasuklah drama. Beberapa buah drama karya penulis-penulis Barat terutama Shakespeare telah diperkenalkan di Tanah Melayu. Sementara seni drama bangsawan yang masih berkembang, drama-drama Barat mula mendapat tempat di hati penonton-penonton di Tanah Melayu. Abdul Rahman Napiah (1987 ms. 60) menyatakan bahawa antara tahun 1924 – 1936 beberapa buah drama saduran telah dipentaskan. Antaranya ialah “*The Black Mask*” yang diterjemahkan menjadi *Topeng Hitam*, begitu juga beberapa drama karya Shakespeare seperti “*Macbeth*”, “*Julius Ceaser*” dan “*Faust*” karya Johann Wolfgang von Goethe. Kebanyakan kerja-kerja penterjemahan dilakukan oleh Zainal Abidin bin Ahmad (Za’aba) di Pejabat Karang Mengarang *Sultan Idris Training Collage (SITC)*, Tanjong Malim, Perak. Di samping itu terdapat juga karya-karya penulis tempatan. Sementara itu drama bangsawan terus berkembang dengan rancak apabila banyak kumpulan bangsawan dari luar negara terutama dari Indonesia dibawa masuk. Bangsawan pada zaman kegemilangannya telah berkembang dengan pesat ke seluruh tanah air sehingga kesenian ini dengan sendirinya telah meningkatkan tahapnya ke persada antara bangsa.





Antara tahun 1936 - 1945 adalah zaman kemerosotan drama bangsawan. Abdul Rahman Napiah (1987, ms. 69) menyatakan bahawa keadaan ini berlaku disebabkan faktor sosial, agama dan ekonomi. Bangsawan sudah tidak mampu memenuhi selera masyarakat. Kemerosotan dunia bangsawan ini disebabkan beberapa faktor; antaranya ialah kemunculan industri perfileman yang bertapak di Singapura. Menurut Amir Muhammad (2010, ms. 14-15) syarikat perfileman telah ditubuhkan dan membuka studio untuk mengeluarkan filem-filem dalam bahasa Melayu. Antaranya yang terkenal ialah Shaw Brothers yang membuka studio *Malay Film Productions* dan Cathay Organisation membuka studio *Cathay Keris Film Productions*. Kedua-dua syarikat ini ditubuhkan di Singapura sekitar tahun 1930-an. Kemudiannya pada tahun 1960-an studio *Merdeka Film Productions* dibuka di Kuala Lumpur. Ramai pelakon bangsawan telah beralih ke studio untuk menjadi bintang filem.

Pada tahun 1960-an juga berlaku satu fenomena baharu apabila muncul persembahan muzik yang berbentuk kumpulan gitar rancak (kugiran) hasil pengaruh muzik Barat khususnya Kumpulan The Beatles dari England. Banyak kugiran terutama di Singapura yang kemudiannya menjalar ke Kuala Lumpur dan beberapa bandar besar di Malaysia telah muncul seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Di samping membuat rakaman, kumpulan-kumpulan tersebut sering mengadakan konsert di merata-rata tempat terutama di selatan tanah air. Persembahan lagu-lagu 'pop yeh-yeh' telah mengambil alih persembahan bangsawan.

Sementara itu sekitar tahun 1950-an muncul drama baharu yang berperanan membangkitkan semangat kebangsaan dan perjuangan menentang penjajah. Bentuk drama baharu ini dikenali sebagai 'sandiwara'. Dengan itu bermulalah era drama moden di Malaysia. Pertumbuhan drama sandiwara ini sesungguhnya berkait rapat dengan perkembangannya di Indonesia. Sebenarnya pada era yang sama, pertumbuhan drama juga sedang berlaku di negara tersebut. Hasanuddin WS., (1996, ms. 33) menyatakan bahawa pada tahun 1926 di daerah Sidoarjo telah ditubuhkan sebuah perkumpulan yang nama lengkapnya *The Malay Opera*



Dardanella oleh seorang berbangsa Rusia kelahiran Pulau Pinang. Orang tersebut bernama Willy Klimanoff yang kemudiannya berganti nama dengan A. Piedro. Penggerak *Dardanella* ini merupakan anak dari pemain kumpulan A. Kalimanoff. Pertunjukan *Dardanella* terus mendapat sambutan dan mengadakan persembahan di merata-rata tempat. Ada antara kumpulan tersebut sampai di Tanah Melayu.

Rombongan-rombongan sandiwara dari Indonesia sangat memberi kesan kepada pertumbuhan sandiwara di Malaysia terutama dalam aspek pementasan (Abdul Rahman Napiah, 1987, ms. 70). Dengan adanya rombongan terutama kumpulan yang terkenal iaitu *Dardanella* seperti yang disebutkan di atas dengan primadonanya Miss Ribus yang sering mengadakan pementasan terutama di Johor telah menarik minat Shahrom Hussein yang kemudiannya muncul sebagai penulis drama khususnya drama sejarah. Ini diikuti oleh Syed Alwi Alhady dan Kalam Hamidy.

Sewaktu menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Shahrom Hussein turut meminati drama-drama William Shakespeare dan Bernard Shaw. Beliau telah menghasilkan drama *Lawyer Dahlan* (1941) yang merupakan juga drama bertulis yang pertama (Ahmad Kamal Abdullah, 1993, ms. 193). Sebelum itu Shahrom Hussein telah menghasilkan drama *Anak Setia* (1930) dan *Nasib Sang Buta* (1932) dan *Keris Laksamana Bentan* (1940). Semasa pendudukan Jepun, beliau juga sering mengadakan pementasan drama terutama di Johor. Antaranya ialah drama *Si Bongkok Tanjung Puteri*, *Keris Laksamana Bentan*, *Tonggak Kerajaan Melayu Johor* dan lain-lain lagi.

Sekitar dekad 1960-an muncul drama beraliran realisme yang menggambarkan hakikat sebenar kehidupan semasa. Tema popularnya ialah pertentangan sikap, nilai hidup masyarakat bandar luar bandar, masalah rasuah dan sebagainya. Antara penulis golongan ini ialah Kala Dewata (Mustaffa Kamal Yassin) yang telah menghasilkan *Atap Genting Atap Rumbia* (1961)



yang dianggap sebagai drama realisme pertama (Mana Sikana, 1989, ms. 100). Awang Had Salleh menghasilkan drama *Buat Menyapu si Air Mata*, sementara Usman Awang menulis drama *Tamu di Bukit Keny*. Drama-drama realisme lain ialah *Senja Menjelang Fajar* (1964) karya Rahmat Zailani, *Di Mana Bulan Selalu Retak* (1965) karya A. Samad Said, *Dari Bintang ke Bintang* (1965) karya Usman Awang, *Anak Kerbau Mata Tertambat* dan *Ayam Jantan Ayam Betina* (1974) hasil nukilan Malina Manja (Bidin Subari) dan beberapa judul lagi. Pada tempoh yang sama, perkembangan drama moden Indonesia sedang berjalan rancak. Nurhadi BW (2010, ms. 12) menyatakan:

“Pada masa tahun 1950-an muncul pelopor sandiwara Maya, group-group teater permulaan dan akademi teater. Pada masa inilah muncul zaman emas teater yang pertama. Usmar Ismail bersama Dr. Abu Hanifah membentuk kelompok teater maya. Naskahnya yang pertama mereka pentaskan berjudul *Nusa Laut* (karya Usmar Ismail) tanggal 27 Mei 1944. Kemudian diikuti sejumlah pementasan lainnya.”



Pada dekad ini juga kita menyaksikan kemunculan televisyen di Malaysia (1960-an).

Ada antara drama-drama yang dipentaskan itu disiarkan juga di televisyen. Pada masa yang sama usaha-usaha untuk menghidupkan kembali drama bangsawan telah dilakukan oleh penggiat-penggiat drama tersebut melalui penerbitan rancangan *Pentas Bangsawan* di Televisyen Malaysia. Walau bagaimanapun usaha ini kurang berjaya kerana persembahan bangsawan tidak 100% asli. Akhirnya rancangan ini ditamatkan, dan bangsawan Melayu hanya tinggal nama (Rahmah Bujang, 1972).

Pada dekad 1970-an bermula drama surealisme dan aliran absurd. Drama-drama aliran absurd ini dikenali juga dengan ‘teater eksperimental’ yang dipengaruhi oleh perkembangan drama di Barat. Para penggiat drama cuba membawa pembaharuan dan kelainan yang amat ketara dengan drama-drama aliran realisme supaya dapat memikat penonton (Fazilah Husin, 2010, ms. 16). Drama-drama aliran baharu ini dipelopori penulis-penulis muda yang terpengaruh dengan perkembangan drama Barat. Mereka cuba membuat perubahan yang



drastik dari segi persembahan dan penceritaan. Antara mereka telah menerima pendidikan tinggi dalam bidang teater dari Barat dan terpengaruh dengan perkembangan drama di negara tersebut. Persembahannya amat simbolik dan sukar difahami oleh kebanyakan penonton. Antara drama aliran ini ialah *Bukan Lalang Ditiup Angin* dan *Tiang Seri Tegak Berlima* karya Noordin Hassan; *Di Mana Bulan Selalu Retak* karya A. Samad Said; *Angin Kering* oleh Johan Jaffar; *Bukan Bunuh Diri* hasil tulisan Dinsman; *Mayat* karya Hatta Azad Khan dan beberapa drama lain. Pada dekad ini drama aliran realisme kurang mendapat sambutan, namun masih ditulis dan dipentaskan.

Pada dekad 1980-an, beberapa karya drama telah dihasilkan dan sebahagiannya telah dipentaskan. Walau bagaimanapun drama aliran realisme masih wujud dan terus berkembang. Antara penulis-penulis yang sangat aktif ialah Zakaria Ariffin, Anwar Ridhwan dan Noordin Hassan. Pada dekad ini Abdul Rahman Napiah atau nama samarannya Mana Sikana juga telah tampil dengan beberapa judul drama. Antaranya ialah *Apa-apa* (1982) dan *Tok Awang* (1984). Menurut Mana Sikana (2004, ms. 300), memasuki dekad 1990-an, tanda-tanda perkembangan drama kelihatan sangat memberangsangkan. Hal ini disebabkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kebangkitan genre drama. Antaranya ialah langkah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan pementasan drama di Panggung Eksperimen, Universiti Malaya. Segala perbelanjaan penganjuran ditanggung oleh kerajaan. Malahan pembinaan Panggung Eksperimen yang telah bermula sejak tahun 1961 itu juga adalah suatu langkah yang positif bagi menggalakkan perkembangan pementasan khususnya drama dan teater. Langkah kerajaan ini telah menimbulkan minat dan galakan kepada penggiat-penggiat untuk menghasilkan karya drama sama ada dalam bentuk penulisan skrip ataupun pementasan.

Seterusnya, perkembangan baharu yang memberangsangkan telah berlaku iaitu pembinaan Istana Budaya yang menggantikan Panggung Negara dengan kos melebihi RM200



juta telah berjaya disiapkan pada tahun 1999. Dengan adanya pentas budaya yang canggih dan berprestij ini berbagai-bagai persembahan budaya yang berkualiti dapat diadakan. Ini termasuklah persembahan drama yang terdiri daripada berbagai-bagai corak seperti drama muzikal atau lebih dikenali sebagai teater muzikal, drama komedi dan drama biografi.

Menjelang kurun ke-21 bidang drama terus berkembang seiring dengan perkembangan bidang kesusasteraan. Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan KOMSAS (Komponen Sastera) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dari tingkatan satu hingga tingkatan lima mulai tahun 2000. Melalui KOMSAS semua pelajar sekolah menengah telah diwajibkan mempelajari bidang kesusasteraan Melayu yang merangkumi semua genre sastera termasuk drama. Hal ini telah meningkatkan perkembangan bidang kesusasteraan khususnya drama di Malaysia. Banyak buku teks drama telah diterbitkan bagi kegunaan pelajar-pelajar di samping aktiviti lakonan drama sering diadakan. Antara drama yang terpilih untuk dikaji ialah 1400 karya Noordin Hassan, *Puteri Li Po* karya Rahmah Bujang, *Dato' Onn* karya Othman Haji Zainuddin, *Gelanggan Tuk Wali* hasil tulisan Ismail Kassan dan banyak lagi.

Seiringan dengan perkembangan drama melalui komponen sastera (KOMSAS) dalam pendidikan Bahasa Melayu, mulai tahun 2006 pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menganjurkan pertandingan drama KOMSAS antara sekolah-sekolah. Langkah positif ini sedikit sebanyak dapat membantu pelajar-pelajar memahami dan meminati genre drama yang dipelajari. Di samping itu pihak berkenaan khususnya peringkat sekolah dapat mencungkil bakat lakonan dalam kalangan pelajar-pelajar. Semenjak itu banyak pertandingan drama telah diadakan sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri bahkan hingga peringkat kebangsaan. Seiringan dengan itu banyak bakat muda telah dapat dicungkil dan diketengahkan.

Bagi meningkatkan martabat dan meluaskan ilmu dalam bidang kesusasteraan, berbagai-bagai galakan dan dorongan termasuk pengiktirafan dan penganugerahan diberikan





kepada ahli-ahli sastera agar dapat menghasilkan karya sastera yang bermutu supaya mempunyai taraf yang lebih tinggi hingga ke peringkat antarabangsa. Di samping itu aspek penyelidikan bidang kesusasteraan amat ditekankan dan digalakkan. Berbagai-bagai kajian dan penyelidikan dijalankan oleh tokoh-tokoh kesusasteraan termasuk ahli akademik dan para sarjana di institusi pengajian tinggi. Penyelidikan bidang kesusasteraan merangkumi aspek penilaian dan penganalisisan teks yang merangkumi pelbagai bidang sastera sama ada prosa ataupun puisi. Penyelidikan juga merangkumi semua genre sastera sama ada novel, cerpen, puisi ataupun drama. Penyelidikan juga menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan aspek pemikiran, kepengarangan atau kebolehan seseorang individu yang berjaya menghasilkan karya yang hebat.

Berdasarkan hakikat yang dinyatakan di atas, kajian ini dijalankan bagi meneliti pemikiran dan kepengarangan penulis dan pada masa yang sama akan menganalisis teks karya penulis berkenaan. Mohd. Rodzi (2017, ms. 1) menyatakan bahawa karya-karya sastera memaparkan perutusan, amanat serta lontaran idea dan fikiran pengarangnya. Sesebuah karya itu adalah hasil cetusan gabungan daya rasa, kepekaan dan keprihatinannya terhadap apa yang diamati dalam masyarakat. Apabila seseorang itu mengkaji sesebuah karya, sebenarnya sama ada secara langsung atau tidak, pengkaji akan mengkaji pengarangnya khususnya dari sudut pemikiran dan kepengarangannya. Oleh itu pengkaji memilih seorang tokoh drama yang sangat terkenal di Malaysia iaitu Noordin Hassan. Kajian ini wajar dijalankan agar dapat mengangkat darjat di samping memperkenalkan penulis berkenaan bukan sahaja untuk tatapan khalayak di Malaysia bahkan negara lain sama ada di Indonesia, Singapura, Thailand atau Brunei Darusalam.

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah berfokus kepada kajian teks dengan menumpukan aspek pemikiran Noordin Hassan. Walaupun zaman kegemilangan karya beliau telah berlalu iaitu sekitar tahun 1970-an hingga 1990-an, namun dilihat dari sudut kelainan dan





pembaharuan yang dibawa melalui kebanyakan teks drama yang dihasilkan sehingga mencetuskan fenomena yang mewarnai dunia drama di Malaysia adalah suatu kecemerlangan yang tidak dapat dinafikan. Dramatis ini dianggap sebagai pelopor drama aliran absurd atau surealisme yang merupakan pembaharuan yang begitu drastik dalam bidang drama di negara ini. Malahan atas kejayaan tokoh tersebut, beliau telah menerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (*S.E.A Write Award*), iaitu anugerah tertinggi dalam bidang penulisan di peringkat Asia Tenggara. Di samping itu beliau juga telah menerima anugerah tertinggi di peringkat kebangsaan, apabila Noordin Hassan telah dinobatkan sebagai Sasterawan Negara Ketujuh pada tahun 1993.

Pengkaji berpendapat bahawa ada sesuatu yang luar biasa atau terlalu hebat di sebalik karya-karya drama dipilih untuk kajian yang dijalankan. Keluarbiasaan atau kehebatan itulah yang akan diterokai sebagai hasil kajian agar dapat dikongsi bersama dengan seluruh masyarakat bukan sahaja di Malaysia malahan di negara-negara lain khususnya di Nusantara dan seterusnya akan dapat memberikan sedikit sebanyak sumbangan kepada perkembangan dan kemajuan bidang kesusasteraan khususnya genre drama dan teater.

1.3 Pernyataan Masalah

Perkembangan genre drama atau teater di Malaysia berlaku dengan pesat. Menurut Mana Sikana, (2014), sejak kemunculan genre drama moden di Malaysia sekitar awal kurun kedua puluh ramai penulis yang telah menghasilkan drama antaranya ialah Shahrom Hussein yang dianggap sebagai pelopor drama moden Malaysia yang telah banyak menghasilkan drama sejak tahun 1930-an. Nama-nama lain ialah seperti Syed Alwi, Kala Dewata (Mustaffa Kamal Yasin), Awang Had Salleh dan lain-lain lagi. Pada dekad 1940-an hingga 1960-an, di Malaysia





penulisan drama terus berkembang rancak. Kebanyakan drama yang dihasilkan mengisahkan kehidupan realiti masyarakat dan aliran yang diikuti ialah aliran realisme.

Menjelang dekad 1970-an, aliran drama di Malaysia mengalami perubahan yang sangat ketara. Noordin Hassan telah mencatatkan sejarah apabila menghasilkan sebuah drama yang membawa pembaharuan yang jauh berbeza dengan drama aliran realisme yang sedang berkembang pada masa itu dengan terhasilnya drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970). Drama beraliran baharu yang dipengaruhi drama absurd dari Barat terus dihasilkan dengan lahirnya *Tiang Seri Tegak Berlima* (1973) dan diikuti beberapa drama lain yang mempunyai aliran yang sama.

Di sebalik kerancangan perkembangan drama di Malaysia perkembangan bidang penyelidikan genre tersebut tidak seiring dengan perkembangan karya. Bilangan kajian bidang drama terlalu kurang jika dibandingkan dengan penyelidikan bidang sastera yang lain seperti novel, cerpen dan puisi. Menurut Zakaria Ariffin (1984, ms. 1) penglibatan para penulis dan pengkritik yang aktif secara langsung dalam bidang drama sangat sedikit. Para pengkaji bidang kesusasteraan lebih berminat menjalankan kajian tentang genre sastera yang lain seperti novel, cerpen dan puisi. Kenyataan ini turut disokong oleh Mana Sikana (1996, ms. vii) yang menganggap bidang kajian tentang drama pada tahun 1970-an dahulu terlalu kurang dan bagaikan 'sebuah pulau yang ditinggalkan'. Hal ini merupakan isu atau masalah utama mengapa kajian dalam bidang drama khususnya tentang karya Noordin Hassan perlu diadakan. Kenyataan di atas tidak dapat disangkal dengan melihat dari data tentang bilangan tesis peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah tentang drama karya Noordin Hassan yang diakses oleh pengkaji pada 24 Mac 2017 dari enjin pencarian *Webopac* dari enam buah perpustakaan universiti awam adalah terlalu sedikit (lihat jadual 1.1).





Jadual 1.1

Bilangan tesis Sarjana dan Doktor Falsafah tentang Noordin Hassan di Enam Buah Perpustakaan Universiti Awam Malaysia:

Perpustakaan Universiti	Bilangan Tesis Sarjana	Bilangan Tesis Doktor Falsafah
UPSI	tiada	tiada
UKM	2	tiada
UM	1	tiada
UPM	1	Tiada
UIA	1	1
ASWARA	tiada	tiada

Sumber Webopac perpustakaan:

UPSI	http://pustaka.upsi.edu.my:8080/webopac20/
UKM	http://www.ukm.my/ptsl/open-access-thesis
UM	https://umlib.um.edu.my/fcontents.asp?tid=23&cid=16&p=8&vs=en
UPM	http://www.lib.upm.edu.my/e_resources/e_theses-6332
UIA	http://iium.ent.sirsidynix.net.au/client/en_GB/iiumlib/?dt=list
ASWARA	http://library.aswara.edu.my/cgi-bin/gw/chameleon

Tarikh diakses: 24 Mac 2017.

Satu lagi isu atau masalah yang perlu mendapat perhatian ialah dari sudut persembahan drama pada era kemajuan sains dan teknologi khususnya sejak awal kurun ke-21. Tidak dapat dinafikan bilangan drama yang dihasilkan oleh para pengkarya meningkat dengan mendadak. Hal ini berlaku kerana drama bukan lagi dipersembahkan di pentas-pentas sahaja, sebaliknya kebanyakan disiarkan melalui kaca televisyen. Melalui siaran televisyen drama dapat ditonton di rumah terutama setelah wujudnya stesen televisyen swasta seperti Media Prima dan Astro dengan begitu banyak saluran. Setiap saluran itu pula berlumba-lumba menyediakan slot untuk menyiarkan drama. Boleh dikatakan bahawa setiap hari pasti ada rancangan drama yang dapat ditonton oleh masyarakat melalui televisyen yang telah mendominasi persembahan drama yang dihasilkan di Malaysia.





Kerancangan siaran drama di televisyen ditingkatkan lagi dengan munculnya medium tayangan video melalui aplikasi *youtube* di internet. Malahan sekarang ini drama dengan mudah dapat ditonton melalui telefon pintar. Dari sudut perkembangan industri hiburan, persaingan seperti itu adalah suatu yang positif. Namun jika ditinjau dari sudut perkembangan sahsiah dan moral generasi muda khususnya, keadaan ini adalah membimbangkan kerana siaran drama di televisyen lebih mementingkan hiburan. Kebanyakan drama yang disiarkan bertemakan percintaan, perebutan kuasa dan harta, persengketaan keluarga, kehidupan golongan korporat dan sebagainya. Drama-drama bercorak khayalan dan bersifat sensasi ini lebih dominan dan sangat diminati penonton kerana penonton merasa terhibur dengan tidak memerlukan tahap pemikiran yang tinggi. Dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian yang akan dijalankan ini adalah perlu agar dapat memberi sumbangan ke arah mengubah persepsi dan mentaliti masyarakat supaya memilih drama aliran baharu yang banyak memberikan pengajaran di samping menggalakkan penonton untuk berfikir bagi memahami kandungan cerita drama tersebut. Drama yang dihasilkan oleh Noordin Hassan mempunyai mesej yang tersurat dan tersirat serta bermutu tinggi. Di samping itu secara tidak langsung, kajian ini akan dapat mengangkat nama Noordin Hassan sebagai dramatis yang bergelar Sasterawan Negara dan tidak akan mudah dilupakan.

1.4 Objektif Kajian

- I. Mengenal pasti pemikiran Noordin Hassan dalam drama dari perspektif teori SPB4K.
- II. Mengkaji kerelevanan drama Noordin Hassan untuk pembentukan insan seimbang mengikut aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) seperti dalam FPK.





- III. Menganalisis kesan pemikiran 4K Noordin Hassan dalam perkembangan drama di Malaysia.

1.5 Soalan Kajian

- I. Apakah pemikiran Noordin Hassan dalam drama dari perspektif teori SPB4K?
- II. Bagaimanakah kerelevanan drama Noordin Hassan untuk pembentukan insan seimbang seperti kehendak FPK?
- III. Sejauh manakah kesan pemikiran 4K Noordin Hassan dari sudut perkembangan drama di Malaysia?



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah penting supaya dapat menilai dan menyokong perkembangan penulisan drama amnya dan bidang kajian drama khususnya. Oleh itu genre drama akan terus berkembang dengan positif dan dapat memberi manfaat kepada ketamadunan manusia khususnya masyarakat Melayu di Malaysia. Di samping itu kajian ini akan dapat mengangkat nama tokoh yang dikaji iaitu Noordin Hassan. Antara kepentingan kajian ini secara khusus adalah seperti berikut:





1.6.1 Menambah ilmu pengetahuan

Hasil kajian ini akan dapat menambah ilmu pengetahuan tentang kesusasteraan Melayu khususnya genre drama kepada pembaca dari semua lapisan masyarakat sama ada di peringkat remaja atau dewasa. Pembaca juga akan dapat mengenali drama pascamoden khususnya yang beraliran surealisme atau absurd karya Noordin Hassan. Seterusnya, daripada hasil kajian ini juga masyarakat akan dapat mengenali tokoh dramawan yang dikaji dengan lebih dekat khususnya dari sudut pemikirannya dalam penulisan drama.

1.6.2 Menambah bilangan kajian

Kajian ini penting kerana akan menambah bilangan kajian tentang drama sebagai satu genre Kesusasteraan Melayu di Malaysia khususnya karya Noordin Hassan. Setakat ini bilangan kajian ilmiah tentang drama secara umum, atau pun secara khusus iaitu drama-drama karya Noordin Hassan terlalu kurang. Melalui kaedah kepustakaan yang telah dijalankan di lima buah perpustakaan universiti awam Malaysia iaitu UPSI, UKM, UM, UPM dan UIA pengkaji hanya menemukan lima buah tesis tentang Noordin Hassan. Ini bermakna kajian di peringkat sarjana dan kedoktoran di universiti-universiti di Malaysia terlalu kurang, bahkan seakan-akan tidak wujud. Walau bagaimanapun pengkaji dapat menemukan banyak kajian tentang Noordin Hassan di peringkat penyediaan artikel, kertas kerja, atau latihan ilmiah sebagai bahan untuk dibentangkan dalam seminar, persidangan, kolokium atau bahan penulisan jurnal.

1.6.3 Menggalakkan Kemahiran Berfikir

Sebagaimana dinyatakan dalam tajuk kajian, aspek yang menjadi fokus kajian ialah pemikiran. Begitu pula dengan teori yang diaplikasikan ialah tentang Sistem Pemikiran Bersepadu 4K. Ini bermakna bahawa hasil kajian akan bertumpu kepada aspek pemikiran yang berpotensi untuk



menggalakkan kemahiran berfikir kepada sesiapa sahaja yang membaca hasil kajian ini terutama dalam kalangan pendidik dan para pelajar sekolah. Hal ini bertepatan dengan langkah Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memperkenalkan program Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang telah dimulai pada tahun 2017 apabila dilaksanakan KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah) yang menggantikan KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) (Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.9/2016).

1.6.4 Menggalakkan penerbitan buku

Telah menjadi amalan yang biasa, hasil sesuatu kajian akademik khususnya di peringkat sarjana ataupun kedoktoran akan ditulis semula dalam bentuk buku. Dengan itu koleksi bahan penerbitan untuk bacaan umum akan bertambah. Diharapkan kajian ini juga akan memberikan sumbangan kearah memperbanyak penerbitan buku akademik di Malaysia.

1.6.5 Pengaplikasian Teori SBP4K

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan teori SBP4K janaan Mohd. Yusof Hasan. Oleh itu hasil kajian ini akan dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat dari sudut pemahaman tentang teori sastera yang disebutkan. Kajian ini juga boleh menjadi panduan kepada pengkaji akan datang tentang bagaimana pengaplikasian teori tersebut dalam kajian yang akan dijalankan.



1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu penggunaan kaedah analisis teks secara deskriptif yang akan difokuskan kepada aspek pemikiran Noordin Hassan yang terkandung dalam drama yang dipilih. Kajian dibataskan kepada lima buah drama yang kebanyakannya beraliran surealisme/absurd yang disenaraikan dalam jadual 1.2 di bawah:

Jadual 1.2


Drama karya Noordin Hassan

Bil.	Judul drama	Terbitan	Tahun diterbitkan	Jumlah halaman teks
1	<i>Bukan Lalang Ditiup Angin</i>	Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	1970	57
2	<i>Pintu</i>	Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	1970	28
3	<i>Tiang Seri Tegak Berlima</i>	Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	1973	54
4	<i>1400</i>	Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	1979	46
5	<i>Anak Tanjong</i>	Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	1987	115



1.8 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini bersandarkan teori sastra SPB4K janaan Mohd. Yusof Hasan. Menurut teori ini manusia atau insan perlu mempunyai empat bentuk pemikiran yang bersepadu dan diterapkan dalam jiwa. Pemikiran tersebut ialah Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan. Hubungan antara keempat-empat pemikiran itu dihuraikan lebih mendalam dalam Bab 3.



Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian

1.9 Definisi Istilah, Konsep dan Operasional

1.9.1 Pemikiran

Perkataan pemikiran berasal dari kata dasar ‘fikir’ yang bermaksud ingatan, angan-angan, akal. *Kamus Dewan* Edisi Ketiga (1989, ms. 324) memberi takrif perkataan pemikiran sebagai perihal berfikir. Mohd. Yusof Hasan (2007, ms. 1) mendefinisikan pemikiran sebagai kegiatan dan proses penggunaan akan manusia untuk berbagai-bagai tujuan. Akal adalah organ yang sangat penting bagi kehidupan manusia yang mula-mula dicipta oleh Tuhan dalam unis enam hari selepas benih lelaki dan benih perempuan bertemu di dalam rahim ibunya. Sementara itu menurut Wikipedia yang diakses menerusi laman web <https://ms.wikipedia.org/wiki/Kategori:Pemikiran> pada 28 Mei 2017 pengertian pemikiran ialah proses mental yang membenarkan yang hidup untuk memodelkan dunia, dan untuk menghadapinya dengan cekap menurut matlamat, rancangan, hujung dan kemahuan.

Pemikiran boleh ditakrifkan juga sebagai keupayaan seseorang menjana akal atau mental bagi menghasilkan sesuatu idea atau keputusan. Menurut Azmi Rahman (2010), pemikiran tidak dapat diberikan makna konkrit, manakala Edward de Bono menyatakan bahawa pemikiran adalah kebijaksanaan atau kecerdasan manusia. Manakala Mohd. Yusof Hasan (2007) dalam Ani Omar (2015, ms. 121) menyatakan konsep pemikiran sering dikaitkan dengan konsep *mind* (minda) yang merupakan anugerah Tuhan yang berkait rapat dengan pemikiran, ingatan dan emosi. Dalam konteks kajian ini, pemikiran merujuk kepada keupayaan atau kemampuan tokoh yang

terlibat iaitu Noordin Hassan melahirkan idea dalam drama yang dihasilkan menerusi dialog atau perlakuan para pelaku, persoalan yang dibangkitkan dan mesej yang ingin disampaikan sama ada secara tersurat atau tersirat.

1.9.2 Sumbangan

Perkataan sumbangan terbentuk daripada gabungan perkataan ‘sumbang’ dan imbuhan ‘-an’. Perkataan ‘sumbang’ mempunyai beberapa maksud yang kebanyakannya bersifat negatif. Antara maksud perkataan sumbang ialah: 1. tidak mematuhi adat (kebiasaan, kesopanan, dll); 2. melanggar adat, tidak sopan: dia telah melakukan sesuatu yang pada mata dan pengertian masyarakat kampung; 3. salah atau silap (sesuatu perbuatan dll), keliru; langkah ~ tersilap langkahnya (dlm silat); tegak ~ terkeliru tegaknya (dlm silat); 4. tidak sedap didengar atau dilihat (bunyi-bunyian, perbuatan, kelakuan, dll), 5. tidak seimbang atau tidak setara, janggal, atau palsu (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*,). Perkataan tersebut merupakan kata dasar dalam kategori kata sifat.

Apabila perkataan ‘sumbang’ digabungkan dengan imbuhan ‘an’, perkataan tersebut menjadi ‘sumbangan’ dan berubah menjadi kata nama. Maksud kata asal yang bersifat negatif telah bertukar menjadi positif. Antara maksud perkataan ‘sumbangan’ ialah; 1. Hadiah atau pemberian secara percuma kepada seseorang; 2. sesuatu yang diberikan sebagai bantuan (kpd keramaian dll); 3. bantuan atau pertolongan yang diberikan yang berbentuk barangan atau fizikal seperti makanan, pakaian dan sebagainya; 3. Sokongan yanggg besar terhadap kajian atau usaha yang memberi manfaat kepada sesuatu pihak.

Dalam konteks kajian ini perkataan ‘sumbangan’ bermaksud sokongan atau dokongan yang berbentuk idea, pemikiran, pemahaman dan pengertian tentang sesuatu konsep atau gagasan. ‘Sumbangan’ yang terkait dengan kajian ini merupakan pemikiran atau idea yang dikemukakan oleh Noordin Hassan dalam drama yang dihasilkan. Melalui pemikiran atau idea yang dikemukakan itu akan memberi manfaat atau kebaikan kepada orang lain khususnya para pembaca atau penonton drama yang dicipta. Pemikiran tersebut juga boleh memberikan pengajaran, nasihat, dorongan, kesedaran atau peringatan kepada masyarakat yang boleh meningkatkan kemajuan hidup bukan sahaja dalam bidang kesusasteraan bahkan dalam bidang-bidang kehidupan lain yang lebih luas.

1.9.3 Drama

Perkataan ‘drama’ berasal daripada bahasa Greek; tegasnya dari kata kerja *dran* yang bererti ‘berbuat’, *to act*, atau *to do* (Morris et al, dalam Henry Guntur Taringan, 1984, ms. 69–70). Dari segi etimologinya, drama mengutamakan perbuatan, gerak, yang merupakan inti hakikat setiap karangan yang bersifat drama.

“Sebagai karya sastra, drama mengungkapkan fenomena kehidupan manusia secara imaginatif, fiktif, kreatif, dan ekspresif. Fenomena kehidupan tersebut dimetaforakan atau disimbolkan melalui konflik-konflik tokoh-tokohnya.”

(Suhariyadi, 2014, ms. 2),

Sementara Bathazar Verhagen menyatakan bahawa drama adalah kesenian melukis sifat dan sikap manusia dengan gerak. Hashim Awang (1985, ms. 50), mendefinisikan drama sebagai sejenis sastra yang dicipta untuk dipentaskan atau dilakonkan. Pelakon-pelakonnya akan melafazkan dialog dan melakonkan aksi-aksi yang ditetapkan oleh penulis. Bagi Mana Sikana (2014, ms. 1) drama ditakrifkan sebagai sejenis karya seni yang menggunakan gerak, bahasa,



pentas, kostium, bunyi dan cahaya yang dilakonkan oleh pelakunya yang tertentu. Bagi Sharif Shaary (1992, ms. 1), menghuraikan bahawa drama adalah salah satu karya daripada genre kesusasteraan yang boleh berbentuk prosa atau puisi. Drama biasanya ditulis untuk dilakonkan yang kemudiannya dikenali sebagai teater dengan para pelakon mengambil alih peranan watak-watak yang memainkan aksi yang diarahkan dan melafazkan dialog-dialog yang ditulis oleh pengarang.

Pengertian-pengertian tersebut di atas adalah selari dengan maksud yang dinyatakan dalam *Kamus Dewan* Edisi Ketiga (1989, ms. 293), di mana perkataan tersebut bermaksud karya yang dipersembahkan oleh pelakon di pentas, radio, atau di televisyen. Maksud lain bagi perkataan itu ialah sandiwara. Sementara itu kamus *Webster's New World Collage Dictionary* 4th Ed. (1999, ms. 433) memberikan definisi drama sebagai suatu karangan yang menyampaikan suatu cerita, biasanya tentang suatu konflik yang disampaikan melalui dialog untuk dilakonkan oleh pelakon. *Dictionary of Literatur in English* (2002, ms. 46) pula memberi takrif drama sebagai sebarang bentuk persembahan yang direka untuk audiens yang juga sebagai satu jenis teater. Drama juga dimaksudkan sebagai suatu cabang sastera yang mengandungi komposisi-komposisi yang sedemikian sebagai subjeknya. Drama juga dikatakan sebagai karya yang menggarap lakon-lakon sejak peringkat penulisan sehingga penerbitan terakhir.

1.9.4 Perspektif

Perkataan perspektif berasal daripada perkataan bahasa Itali iaitu *prospettiva* yang bermaksud “gambar pandangan” Perkataan tersebut telah dimelayukan mengikut sistem ejaan bahasa Melayu. *Kamus Dewan* Edisi Ketiga (1989, ms. 955), memberi beberapa maksud bagi perkataan perspektif. Antaranya ialah pandangan, visi, anggapan, wawasan dan pentafsiran. Dalam konteks kajian ini, definisi perspektif yang paling sesuai ialah pandangan atau





pentafsiran yang wajar berkenaan sesuatu idea atau pemikiran dalam sesuatu teks atau karya yang dikaji dengan berpandukan prinsip-prinsip teori yang diaplikasikan. Terdapat juga perkataan atau ungkapan lain yang sering digunakan yang bermaksud perspektif iaitu 'sudut pandangan' atau 'kaca mata'.

1.10 Rumusan

Dengan huraian yang telah diberikan dalam subtopik bab ini seperti di atas pengkaji telah menyediakan persiapan yang sewajarnya untuk memulakan suatu kajian yang komprehensif. Dalam bahagian latar belakang kajian, pengkaji memberikan gambaran ringkas tentang senario bidang Kesusasteraan Melayu yang merangkumi pengertian, fungsi dan peranannya dalam kehidupan masyarakat. Bahagian ini dilanjutkan dengan huraian tentang bidang drama atau teater yang menjadi fokus kajian dengan menekankan sejarah perkembangan drama sama ada di Malaysia ataupun di Indonesia dan keperluannya mengadakan kajian. Dalam bahagian ini juga pengkaji menyentuh aspek kemunculan tokoh yang dikaji iaitu Noordin Hassan. Pengkaji seterusnya mengemukakan tiga objektif kajian yang akan dicapai sebagai matlamat kajian bagi menjawab tiga soalan kajian.

Dalam bahagian pernyataan masalah, pengkaji telah mengemukakan permasalahan atau isu yang berkaitan dengan drama. Seterusnya pengkaji memberikan hujah-hujah yang rasional mengapa kajian ini perlu dijalankan. Pengkaji mengemukakan tiga objektif kajian yang menjadi matlamat kajian bagi menjawab tiga





soalan kajian. Pengkaji seterusnya mengemukakan batasan kajian dengan menyenaraikan lima buah drama yang akan dikaji. Untuk menyokong keperluan kajian ini dijalankan, pengkaji mengemukakan lima kepentingan kajian. Akhir sekali pengkaji menghuraikan definisi operasional bagi enam istilah yang terkandung dalam tajuk kajian.

